

15/05/2001

Tentera bersara awal: PM perjasas punca tiada pencen

Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menjelaskan kerajaan tidak boleh memberi pencen kepada anggota tentera yang bersara awal kerana sistem ketenteraan tidak sama dengan struktur perkhidmatan awam lain.

Perdana Menteri berkata, anggota tentera boleh bersara awal iaitu pada umur 40 tahun, manakala pada kebiasaannya umur persaraan anggota perkhidmatan awam adalah 55 tahun.

"Ada di antara mereka yang dapat kerja lain (selepas bersara daripada tentera)... kerja yang berpencen. Ada yang terima pencen juga daripada kerja lain.

"Yang pentingnya ialah apabila mereka bersara, mereka cari punca pendapatan lain dan kita sanggup memberi latihan kepada mereka, membantu supaya mereka mendapat pendapatan daripada perniagaan. Ada yang bekerja dalam kerajaan dan ada bekerja dengan swasta," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan majlis perjumpaan dengan kira-kira 500 ahli Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) dari seluruh Semenanjung diketuai Presidennya, Senator Datuk Muhammad Abdul Ghani, di sini petang ini.

Pada majlis dialog tertutup selama kira-kira sejam itu, antara lain mereka meminta kerajaan supaya anggota tentera yang bersara awal selepas berkhidmat selama 10 hingga 18 tahun, turut diberi pencen. Buat masa ini, hanya anggota tentera yang berkhidmat penuh iaitu selama 21 tahun layak mendapat pencen.

Dr Mahathir berkata, kerajaan berusaha untuk menempatkan mereka bekerja di tempat yang difikirkan sesuai, tetapi kadangkala bekas tentera tidak berminat malah gagal.

"Tetapi kalau mereka ingin bekerja, berniaga atau mempelajari sesuatu kecekapan, kita boleh tolong mereka," katanya.

Ditanya mengenai permintaan supaya gaji minimum RM400 sebulan untuk anggota rekrut sekarang dikaji semula kerana ia agak rendah, beliau berkata, sebenarnya golongan terbabit mendapat banyak elaun berbanding kumpulan lain.

"Tetapi itu gaji (RM400), kita ada banyak elaun. Bagi tentera lebih banyak elaun daripada kumpulan lain. Oleh kerana mereka akan berkhidmat hanya sehingga umur 40 tahun, pendapatan yang dibawa balik adalah lebih banyak," katanya.

Mengenai dialog itu, Dr Mahathir berkata, banyak isu dibangkitkan tetapi sesetengahnya akan diberi perhatian oleh kerajaan.

Terdahulu, dalam ucapannya Dr Mahathir menolak anggapan sesetengah pihak bahawa kerajaan tidak menghiraukan nasib bekas anggota tentera.

Katanya, kerajaan terhutang budi kepada mereka dan mempunyai banyak rancangan untuk membantu golongan terbabit.

"Kadangkala rancangan ini gagal berpunca daripada kegagalan mereka sendiri untuk menukar gaya hidup. Dalam perniagaan misalnya, memerlukan disiplin. Gunakanlah amalan disiplin ketika dalam perkhidmatan sebelum ini untuk dipraktikkan dalam perniagaan.

"Sebenarnya, kita boleh berjaya dalam hidup apabila kita menyemai disiplin tinggi dalam setiap pekerjaan yang kita lakukan. Saya masih yakin terhadap kemampuan orang Melayu dalam perniagaan asalkan kita berusaha bersungguh-sungguh," katanya.

(END)

